

# MPAJ, JPS, pemaju digesa selesaikan isu perparitan

KUALA LUMPUR 27 Ogos - Penduduk Kampung Pasir di Hulu Klang meminta Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) supaya segera menyelesaikan masalah sistem perparitan di kampung tersebut yang telah menyebabkan banjir kilat sering berlaku di kampung itu sejak lebih sepuluh tahun lalu.

Rayuan itu turut ditujukan mereka kepada pemaju sebuah projek perumahan di kawasan lebih tinggi berdekatan kampung itu.

Ketua Kampung Pasir, Hassan Abdul Rahman, berkata, dia telah membawa masalah itu kepada pelbagai pihak namun sehingga kini masih tiada jalan penyelesaian dibuat.

"Kami telah berjumpa dengan MPAJ, JPS dan pemaju bagi membantu menyelesaikan perkara ini.

"Ketiga-tiga pihak terbabit seolah-olah mahu lepas tangan dan menyatakan bukan di bawah tang-

## MPAJ arah pemaju segera senggara longkang

KUALA LUMPUR 27 Ogos - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengarahkan pemaju kondominium di Kampung Pasir, Hulu Klang dekat sini supaya membersihkan dan menyenggara longkang yang dibina dalam kawasan pembangunan bagi mengelakkan kejadian banjir kilat daripada berlaku.

Pegawai Perhubungan Awam

gungjawab mereka," katanya.

Banjir di kampung itu telah menyebabkan kerugian besar, dan menurut Hassan, bagi mengurangkan masalah tersebut dia telah mengeluarkan wang sendiri sebanyak le-

MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, pihak pemaju akan membina saluran longkang baharu di kawasan projek berkenaan.

"Jika didapati pemaju gagal membersihkan serta menyenggara longkang berkenaan tindakan selanjutnya akan diambil.

"Kami berharap selepas ini masalah banjir kilat tidak berlaku di Kampung Pasir," katanya ke-

bih RM3,000 baru-baru ini untuk membina sebatang longkang.

Sementara itu, seorang penduduk, Abdul Samad Ibrahim, 52, berkata, dia dan penduduk kampung yang lain berharap agar satu rang-

tika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Mengulas mengenai kenyataan penduduk yang mendakwa MPAJ tidak mengambil sebarang tindakan bagi mengatasi masalah tersebut, beliau berkata, tapak tersebut adalah milik pemaju pembangunan dan pihaknya hanya membuat pemantauan berhubung masalah yang berlaku.

kaian saluran yang sempurna bersesuaian dengan kapasiti air dapat dibina di sepanjang sempadan tanah sebuah kawasan kondominium di kawasan tinggi di situ, bagi menggantikan parit sedia ada.

"Hari ini pemaju yang mengambil alih projek pembangunan kondominium berkenaan berjanji untuk membina sistem perparitan baharu, kami harap mereka tunaikan janji.

"Kami tidak menghalang pembangunan, cuma keperluan asas seperti ini haruslah dijaga sebaiknya," ujarnya.

Tambah Hassan, projek kondominium tersebut perlulah mendapat pemantauan daripada pihak MPAJ kerana pemaju sebelum ini tidak menyediakan sistem perparitan yang sempurna dan mereka juga gagal membina kemudahan asas menyebabkan kerosakan jalan serta longkang sedia ada.

"Kami tidak mahu pemaju yang baharu ini membuat perkara yang sama, dan saya minta MPAJ tolonglah mainkan peranan sebagai pihak berkuasa tempatan kerana masalah ini telah berlaku dalam tempoh yang sangat lama," katanya.